

# WILLIAM SHAKESPEARE

## SASTERAWAN AGUNG DARI ENGLAND

**W**illiam Shakespeare lahir pada tanggal 26 April 1564. Beliau merupakan sasterawan, penyair dan pengarang drama Inggeris. Nama julukan beliau ialah “Bard of Avon” yang membawa maksud penyair dari Sungai Avon. Anak kelahiran Stratford, England ini berkahwin seawal usia 18 tahun dengan isterinya yang bernama Anne Hathaway yang berumur 26 tahun. Mereka dikurniakan tiga cahaya mata, iaitu Susanna dan kembar yang bernama Hamnet dan Judith.

William Shakespeare mendapat pendidikan awal di King’s New School, Stratford. Beliau menjalani kehidupan pada zaman pemerintahan Ratu Elizabeth I yang menentang kepentingan tatabahasa dan gaya bahasa dalam penulisan Latin. Sekitar tahun 1585 hingga 1592, William Shakespeare berjaya menceburi bidang kesenian seperti lakonan, penulisan, drama, teater, penyair dan menjadi sebahagian daripada pemilik syarikat teater dan pengarang drama terkemuka seperti Lord Chamberlain’s Men yang kemudiannya dikenali sebagai King’s Men. Beliau berhenti berkarya pada tahun 1613 sewaktu berusia 49 tahun. William Shakespeare meninggal dunia pada 23 April 1616, iaitu tiga tahun selepas persaraan beliau.


William Shakespeare banyak menghabiskan masanya dengan berkarya. Karya beliau pula banyak dijadikan panduan dalam pementasan teater. Selain itu, beliau juga merupakan pengasas kepada teater Globe yang sangat terkenal di London pada masa itu. Karya William Shakespeare termasuklah 36 drama dicetak dalam Folio Pertama pada tahun 1623 dan genre drama beliau merangkumi klasifikasi folio komedi, sejarah, cinta dan tragedi.

Tokoh kesusasteraan Barat ini juga banyak memberikan sumbangan dalam rujukan kesusasteraan pada pelbagai peringkat pendidikan, terutama dalam bidang kesenian. Pada abad ke-20, karya William Shakespeare sering kali diguna pakai dan dikaji semula oleh penyelidik atau sarjana yang ingin mengkaji kesenian kesusasteraan Inggeris dengan lebih mendalam. Bahkan, karya beliau juga kekal malar segar hingga hari ini dan sentiasa dikaji dan ditafsirkan semula dalam konteks budaya dan politik dari serata dunia.

Pada zaman kehidupan William Shakespeare, tatabahasa Inggeris, ejaan, dan sebutan kurang selaras berbanding dengan sekarang. Antara sumbangan terbesar William Shakespeare dalam bidang bahasa dan sastera Inggeris adalah menyusun dan membentuk tatabahasa Inggeris moden.

Berdasarkan Guinness World Records, William Shakespeare masih kekal sebagai penulis drama terlaris di dunia dengan penjualan karya drama dan puisinya dipercayai telah mencapai lebih daripada empat bilion naskhah dalam tempoh 400 tahun sejak kematiannya. Selain itu, tercatat dalam sejarah bahawa beliau merupakan sasterawan ketiga yang karyanya paling banyak diterjemahkan dalam bahasa asing.

Hingga kini, nama William Shakespeare sentiasa disebut-sebut sebagai tokoh penyair dan sasterawan terkemuka dari England yang banyak memberikan sumbangan dalam bidang kesenian. Dalam era ini, masih banyak orang yang membaca novel dan menonton filem yang diadaptasi daripada karya William Shakespeare. Oleh hal yang demikian, wajarlah kita menghargai



karya beliau yang sarat dengan mesej, pengajaran dan pedoman dengan mengenali secara ringkas latar belakang sasterawan hebat ini.

### KARYA POPULAR WILLIAM SHAKESPEARE

- 01 *Romeo dan Juliet*
- 02 *Hamlet*
- 03 *Macbeth*
- 04 *Julius Ceasar*
- 05 *The Tempest*
- 06 *Harry IV (part 1 & 2)*
- 07 *King John*